

# Pengerusi DBS Peter Seah terima pengiktirafan tertinggi Hari Kebangsaan



**ENCIK RICHARD MAGNUS:** Darjah Bakti Utama Bakti Cemerlang.



**DR PETER SEAH:** Darjah Utama Nila Utama (Dengan Kejujian).



**ENCIK BENNY LIM SIANG HOE:** Darjah Bakti Utama Bakti Cemerlang.

PENGERUSI DBS Peter Seah telah menerima pengiktirafan tertinggi iaitu Darjah Utama Nila Utama (Dengan Kejujian) dalam Anugerah Hari Kebangsaan tahun ini.

Beliau adalah antara 5,710 individu yang bakal menerima pengiktirafan semasa majlis tersebut dalam 24 kategori, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri (PMO) semalam.

Encik Seah juga merupakan pengerusi Majlis Gaji Kebangsaan (NWC), Singapore Airlines Ltd dan juga Kolej Seni Lasalle.

Sementara itu, anugerah Darjah Bakti Utama Bakti Cemerlang pula dianugerahkan kepada pengerusi Lembaga Taman Negara (NParks), Encik Benny Lim Siang Hoe.

Encik Lim, yang bersara pada 2016 selepas berkhidmat selama 37 tahun dalam perkhidmatan awam mengambil alih jawatan sebagai pengerusi pada 2018.

Anugerah yang sama turut diberikan kepada pengerusi Majlis Pengangkutan Awam (PTC) Encik Rich-

ard Magnus yang juga pengerusi Yayasan Temasek.

Anugerah Hari Kebangsaan tahunan itu, yang bermula pada 1962, mengiktiraf individu atas sumbangan mereka kepada perkhidmatan sivil atau tentera, kerja sosial dan masyarakat, atau untuk prestasi cemerlang dalam bidang mereka masing-masing.

Dalam pada itu pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Kampong Chai Chee, Encik Zulkefle Abdul Rahman telah menerima anugerah Bintang Bakti Masyarakat (Lintang).

Turut menerima anugerah Bintang Bakti Masyarakat (BBM) adalah Naib Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Bukit Batok, Encik Suhadi Sarmadi.

Ia juga diberikan kepada Naib pengerusi Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Punggol West, Encik Haja Nizamudeen.

Senarai penuh penerima Anugerah Hari Kebangsaan boleh didapati

di laman Pejabat Perdana Menteri di alamat <http://nda.pmo.gov.sg> bermula hari ini.

Seramai 5,472 individu telah menerima anugerah penghormatan Hari Kebangsaan itu tahun lalu.

Mantan Menteri Kanan, yang merupakan penasihat undang-undang kanan kepada menteri hal ehwal luar, Profesor S. Jayakumar, telah dianugerahkan penghormatan orang awam tertinggi Singapura, Darjah Utama Temasek (Dengan Kejujian Tinggi), atas sumbangan yang berterusan dan tidak ternilai kepada Singapura.

Selain Encik Jayakumar, mantan pengerusi, Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura yang juga merupakan mantan Pengerusi kedua-dua Iseas-Institut Yusof Ishak (Iseas) dan Institut Asia Timur, Profesor Wang Gungwu juga telah diberikan Anugerah Darjah Utama Bakti Cemerlang.

Sementara itu, mereka yang berjuang di barisan depan menentang Covid-19 turut diiktiraf tahun lalu.